



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
YANG KE-74 TAHUN**

**Hari Isnin, 28 Zulkaedah 1441H / 20 Julai 2020M
Masjid Ash-Shaliheen
Negara Brunei Darussalam**

20 Julai 2020M - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya petang tadi telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-74 Tahun bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir di Majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat berjemaah diimamkan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, Pegawai Hal Ehwal Masjid. Majlis kemudiannya diteruskan dengan Doa Kesyukuran diikuti dengan Sembahyang Fardhu Asar berjemaah diimamkan oleh Yang Mulia Awang Syariff Wafiuddin bin Jemain, Penolong Ketua Imam, Masjid Ash-Shaliheen.

Majlis tersebut diadakan adalah bagi menzahirkan rasa syukur di atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Baginda dilanjutkan usia, sihat wal afiat, kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan adil dan saksama di bawah perlindungan, taufiq dan hidayah Allah Subhanahu Wataala.

/TAMAT

Disediakan oleh:

**Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Tarikh: 20 Julai 2020